

PENGARUH KECERDASAN EMOSI DAN KECERDASAN SPIRITUAL KE
ATAS SALAH LAKU REMAJA SEKOLAH

NORAZWA BINTI YEOP KAMARUDIN

Disertasi ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan ijazah
Sarjana (Psikologi Pendidikan)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

OGOS 2013

DEDIKASI

Buat suami,

Fandy

dan anak-anak tercinta

Faris, Aleeya dan Aqeela

Serta Ibumama dan keluarga tersayang

Terima kasih atas sokongan dan dorongan serta doa restu yang dititipkan.

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang

Alhamdulillah, dengan izin dariNya, akhirnya dapat saya menyiapkan kajian ini seperti yang dirancang dan diharapkan. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terimakasih kepada Dr. Azlina binti Mohd Kosnin selaku penyelia kajian ini yang tidak jemu memberi tunjuk ajar dan buah fikiran dari peringkat awal hingga ke peringkat akhir kajian ini dijalankan sehingga dapat disempurnakan dengan jayanya.

Ribuan terima kasih juga dituju kepada pensyarah-pensyarah Universiti Teknologi Malaysia yang mengajar saya sepanjang mengikuti pengajian di sini. Tidak lupa juga setinggi penghargaan kepada Pengarah Pusat Kaunseling, Universiti Teknologi Malaysia, PM Dr Mohamed Sharif bin Hj Mustafa selaku ketua majikan yang sentiasa memahami dan memberi sokongan serta kerjasama yang cukup baik kepada saya.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih juga dituju kepada suami, kedua-dua ibu bapa, mertua, anak-anak serta keluarga yang sentiasa memberi dorongan dan menitipkan doa dalam perjuangan saya melaksana dan menyempurnakan kajian ini.

Akhir kata, terima kasih buat semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam membantu saya sepanjang pengajian ini.

Wassalam, terima kasih.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat pengaruh kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual terhadap salah laku remaja dalam daerah Johor Bahru. Kajian ini melibatkan analisis bagi melihat tahap setiap kecerdasan yang dimiliki oleh remaja yang terlibat dengan salah laku selain melihat tahap salah laku yang mereka lakukan. Kajian ini juga turut melihat sejauh mana pengaruh kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual ke atas pembentukan salah laku remaja serta melihat perkaitan antara kedua-dua kecerdasan tersebut. Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan soal selidik. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian SPSS 16.0 dengan menggunakan ujian korelasi Pearson, ujian regresi mudah dan ujian regresi berganda. Berdasarkan kaedah persampelan rawak berlapis, seramai 370 orang pelajar tingkatan empat dari lima buah sekolah dalam daerah Johor Bahru dilibatkan sebagai responden kajian ini. Alat ukur kajian yang digunakan adalah senarai salah laku disiplin murid (SSDM) dari Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk mengukur salah laku remaja. Kecerdasan emosi pula diukur menggunakan instrumen *Universiti Sains Malaysia Emotional Quotient Inventory* (USMEQ-i) manakala instrumen *Malay Spiritual Well Being* (Malay SWB) untuk mengukur kecerdasan spiritual. Dapatan kajian menunjukkan tahap kecerdasan emosi responden adalah pada tahap sederhana manakala tahap kecerdasan spiritual pula adalah pada tahap tinggi. Tahap salah laku pula adalah pada tahap rendah. Hasil analisis juga menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan salah laku. Manakala kecerdasan spiritual pula menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dengan salah laku remaja. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual dengan salah laku. Keputusan juga menunjukkan kecerdasan emosi mempunyai hubungan yang sederhana kuat dengan kecerdasan spiritual. Dapatan kajian ini memberi input kepada pihak-pihak yang berkait rapat dengan remaja supaya memberi penekanan terhadap elemen kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual bagi mengurangi penglibatan remaja dalam salah laku.

ABSTRACT

The objective of this research was to examine the influence of emotional intelligence and spiritual intelligence towards delinquency among adolescents in Johor Bahru District. This research involved the analyses to examine student's level of both intelligences and involvement in the delinquent behaviors. This research also investigated on the influence of emotional intelligence and spiritual intelligence on adolescent delinquency and to examine the correlation between those intelligences. This quantitative research used survey method for the data collection. The data were analyzed using SPSS version 16.0 for correlation Pearson test, simple regression test and multiple regression test. A total of 370 respondents from five secondary schools in Johor Bahru district were involved in this study. Instrument used in this research was Sistem Salah Laku Displin Murid (SSDM) from Ministry of Education to measure delinquent behaviors among students. In order to measure emotional intelligence, Universiti Sains Malaysia Emotional Quotient Inventory (USMEQ-i) has been used while Malay Spiritual Well Being (Malay SWB) instrument was used to measure spiritual intelligence. The results showed that the level of emotional intelligence among the respondents was moderate while the level of spiritual intelligent among the respondents was high. The level of adolescent delinquency was lower. Analysis using Pearson correlation significant indicated that adolescent delinquency correlated significantly with spiritual intelligence but not with emotional intelligence. However analyses using multiple regression analysis, both intelligence significantly influence delinquency. Result also showed that emotional intelligence has moderate relationship with spiritual intelligence. This result can give input to the stakeholder to emphasize the spiritual and emotional intelligence elements in diminishing the involvement of adolescents in the delinquent behaviors.

SENARAI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xvi
	DAFTAR SINGKATAN	xvii
1	Pengenalan	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latarbelakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	10
	1.4 Objektif Kajian	12
	1.5 Persoalan Kajian	13
	1.6 Hipotesis Kajian	14
	1.7 Kepentingan Kajian	15
	1.8 Batasan Kajian	17
	1.9 Kerangka Teori Kajian	18
	1.9.1 Teori Kecerdasan Emosi Goleman	20
	1.9.2 Teori Kecerdasan Spiritual Moberg	21

1.10	Kerangka Konseptual Kajian	21
1.11	Definisi Istilah Kajian	22
1.12	Penutup	28
2	KAJIAN LITERATUR	
2.1	Pendahuluan	29
2.2	Definisi, Konsep dan Perkembangan Remaja	30
2.3	Teori Kenakalan Remaja James Howell	35
2.4	Modul Sistem Salah Laku Disiplin Murid	38
2.5	Definisi dan Konsep Kecerdasan	39
2.6	Teori Kecerdasan Emosi	41
	2.6.1 Teori Kecerdasan Emosi Goleman	43
	2.6.2 Teori Kecerdasan Emosi Mayer, Salovey dan Caruso	46
	2.6.3 Model Kecerdasan Emosi	48
2.7	Teori Kecerdasan Spiritual	51
	2.7.1 Teori Kesejahteraan Spiritual Moberg	53
	2.7.2 Teori Kecerdasan Spiritual Danah Zohar	54
	2.7.3 Model Kecerdasan Spiritual King	58
2.8	Kajian-kajian Lepas Berkaitan Kecerdasan Emosi dan Kecerdasan Spiritual	61
	2.8.1 Kecerdasan Emosi dan Tingkah Laku	61
	2.8.2 Kecerdasan Spiritual dan Tingkahlaku	68
2.9	Penutup	73
3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	75
3.2	Rekabentuk Kajian	76

3.3	Tempat Kajian, Populasi dan Sampel Kajian	77
3.4	Instrumen Kajian	79
3.4.1	The USM Emotional Quotient Inventory (USMEQ-i)	83
3.4.2	Malay Version of Spiritual Well-Being Scale (Malay SWB)	84
3.5	Prosedur Kajian	85
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan Soal Selidik	86
3.6.1	Kesahan instrumen	86
3.6.2	Kebolehpercayaan instrumen	87
3.7	Analisa Data	89
3.7.1	Penentuan Tahap	91
3.8	Penutup	94
4	ANALISIS DATA	
4.1	Pendahuluan	96
4.2	Analisis data	97
4.2.1	Bahagian A : Analisis Latar Belakang	97
4.2.2	Bahagian B : Analisis Berdasarkan Persoalan Kajian	99
4.2.2.1	Persoalan Kajian Pertama : Tahap Kecerdasan Emosi	99
4.2.2.2	Persoalan Kajian Kedua : Tahap Kecerdasan Spiritual	106
4.2.2.3	Persoalan Kajian Ketiga : Tahap Salah Laku	110
4.2.2.4	Persoalan Kajian Keempat : Pengaruh Kecerdasan Emosi Terhadap Salah Laku Remaja	115

4.2.2.5	Persoalan Kajian Kelima : Pengaruh Kecerdasan Spiritual Terhadap Salah Laku	121
4.2.2.6	Persoalan Keenam : Pengaruh Kecerdasan Emosi dan Kecerdasan Spiritual Terhadap Salah Laku	125
4.2.2.7	Persoalan Kajian Ketujuh: Perkaitan Antara Kecerdasan Emosi dan Kecerdasan Spiritual Terhadap Salah Laku	128
4.3	Kesimpulan dapatan kajian	131
4.4	Penutup	132

5 RUMUSAN, PERBINCANGAN, KESIMPULAN,IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	133
5.2	Rumusan dapatan kajian secara keseluruhan	134
5.2.1	Hubungan antara kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual dengan salah laku	135
5.2.2	Kaitan antara kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual dengan salah laku	136
5.3	Perbincangan dapatan kajian	138
5.3.1	Tahap Kecerdasan Emosi	138
5.3.2	Tahap Kecerdasan Spiritual	141
5.3.3	Tahap Salah Laku	142
5.3.4	Pengaruh Kecerdasan Emosi Terhadap Salah Laku Remaja	144

5.3.5	Pengaruh Kecerdasan Spiritual Terhadap Salah Laku Remaja	146
5.3.6	Pengaruh Kecerdasan Emosi dan Kecerdasan Spiritual Terhadap Salah Laku	148
5.3.7	Perkaitan Kecerdasan Emosi dan Kecerdasan Spiritual Terhadap Salah Laku	150
5.4	Implikasi dan cadangan kajian	151
5.5	Cadangan kajian lanjutan	154
5.6	Penutup	155
	RUJUKAN	157
	Lampiran	

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	HALAMAN
2.1	Teori perkembangan sosial Erik Erikson	34
3.1	Pemilihan sampel berdasarkan populasi	77
3.2	Pembahagian reka bentuk kajian kuantitatif	80
3.3	Kategori salah laku yang disenaraikan oleh KPM	81
3.4	Soalan mengikut domain kecerdasan emosi	83
3.5	Nombor soalan mengikut dimensi spiritual	84
3.6	Pakar rujuk kesahan instrumen	87
3.7	Nilai Cronbach's Alpha Domain USMEQ-i	88
3.8	Jenis analisis data kajian	90
3.9	Penilaian skala bagi setiap instrumen	92
3.10	Tafsiran nilai skor min setiap instrumen	93
3.11	Nilai pekali korelasi dan interpretasinya	93
4.1	Taburan bilangan responden mengikut jantina	98
4.2	Taburan responden mengikut jumlah pendapatan	98
4.3	Tahap kecerdasan emosi remaja	99
4.4	Tahap kecerdasan emosi mengikut domain	100
4.5	Taburan kekerapan, peratus dan min bagi item-item domain pengawalan emosi	101
4.6	Taburan kekerapan, peratus dan min bagi item-item domain kematangan emosi	102
4.7	Taburan kekerapan, peratus dan min bagi item-item domain kehematan emosi	103

4.8	Taburan kekerapan, peratus dan min bagi item-item domain kepekaan emosi	104
4.9	Taburan kekerapan, peratus dan min bagi item-item domain komitmen emosi	104
4.10	Taburan kekerapan, peratus dan min bagi item-item domain keanjalan emosi	105
4.11	Taburan kekerapan, peratus dan min bagi item-item domain ekspresi emosi	106
4.12	Tahap kecerdasan spiritual remaja	107
4.13	Tahap kecerdasan spiritual mengikut domain	107
4.14	Taburan kekerapan, peratus dan min bagi item-item domain ketuhanan	108
4.15	Taburan kekerapan, peratus dan min bagi item-item domain psikososial	109
4.16	Tahap salah laku remaja	110
4.17	Tahap salah laku remaja mengikut 8 kategori salah laku	111
4.18	Taburan kekerapan dan peratusan 8 kategori salah laku mengikut skala	112
4.19	Tahap salah laku bagi setiap jenis kesalahan	113
4.20	Tahap salah laku remaja mengikut jantina	114
4.21	Tahap salah laku remaja mengikut jantina bagi setiap jenis salah laku	114
4.22	Ringkasan model (<i>model summary</i>) analisis regresi dengan menggunakan kecerdasan emosi sebagai pembolehubah tidak bersandar dan salah laku sebagai pembolehubah bersandar	116
4.23	ANOVA menggunakan kecerdasan emosi sebagai pembolehubah tidak bersandar dan salah laku sebagai pembolehubah bersandar	116

4.24	<i>Coefficients</i> analisis regresi dengan menggunakan kecerdasan emosi sebagai pembolehubah tidak bersandar dan salah laku sebagai pembolehubah bersandar.	117
4.25	Ringkasan model (<i>model summary</i>) analisis regresi berganda dengan menggunakan domain kecerdasan emosi sebagai pembolehubah tidak bersandar dan salah laku sebagai pembolehubah bersandar.	118
4.26	ANOVA analisis regresi berganda dengan menggunakan domain kecerdasan emosi sebagai pembolehubah tidak bersandar dan salah laku sebagai pembolehubah bersandar.	119
4.27	<i>Coefficients</i> analisis regresi berganda dengan menggunakan domain kecerdasan emosi sebagai pembolehubah tidak bersandar dan salah laku sebagai pembolehubah bersandar	120
4.28	Ringkasan model (<i>model summary</i>) analisis regresi dengan menggunakan kecerdasan spiritual sebagai pembolehubah tidak bersandar dan salah laku sebagai pembolehubah bersandar.	122
4.29	ANOVA menggunakan kecerdasan spiritual sebagai pembolehubah tidak bersandar dan salah laku sebagai pembolehubah bersandar	122
4.30	<i>Coefficients</i> analisis regresi dengan menggunakan kecerdasan spiritual sebagai pembolehubah tidak bersandar dan salah laku sebagai pembolehubah bersandar.	123
4.31	Ringkasan model (<i>model summary</i>) analisis regresi berganda dengan menggunakan domain kecerdasan spiritual sebagai pembolehubah tidak bersandar dan	

	salah laku sebagai pembolehubah bersandar.	124
4.32	ANOVA analisis regresi berganda dengan menggunakan domain kecerdasan spiritual sebagai pembolehubah tidak bersandar dan salah laku sebagai pembolehubah bersandar.	124
4.33	<i>Coefficients</i> analisis regresi berganda dengan menggunakan domain kecerdasan spiritual sebagai pembolehubah tidak bersandar dan salah laku sebagai pembolehubah bersandar.	125
4.34	Ringkasan model (<i>model summary</i>) analisis regresi berganda dengan menggunakan kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual sebagai pembolehubah tidak bersandar dan salah laku sebagai pembolehubah bersandar.	126
4.35	ANOVA analisis regresi berganda dengan menggunakan kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual sebagai pembolehubah tidak bersandar dan salah laku sebagai pembolehubah bersandar.	127
4.36	<i>Coefficients</i> analisis regresi berganda dengan menggunakan kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual sebagai pembolehubah tidak bersandar dan salah laku sebagai pembolehubah bersandar.	127
4.37	Korelasi antara kecerdasan emosi dengan kecerdasan spiritual	128
4.38	Korelasi antara kecerdasan emosi dengan domain kecerdasan spiritual	129
4.39	Korelasi antara domain kecerdasan emosi dengan kecerdasan spiritual	130
4.40	Ringkasan dapatan kajian	131

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	HALAMAN
1.1	Kerangka Teori Kajian	19
1.2	Kerangka Konsep Kajian	22
2.1	Teori Perkembangan Kenakalan Remaja James Howell	36
2.2	Dimensi Kecerdasan Emosi USM	48
2.3	Model Kecerdasan Spiritual King	59
3.1	Prosedur Persampelan Kelompok Dua Peringkat	79

DAFTAR SINGKATAN

BASC	=	<i>Behavior Assessment System for Children</i>
CSD	=	<i>Center for Spiritual Development in Childhood and Adolescence</i>
EQ	=	Emotional Quotient
IQ	=	Intellectual Quotient
JKM	=	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JPN	=	Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	=	Kementerian Pelajaran Malaysia
Malay SWB	=	<i>Malay Version of Spiritual Well-Being Scale</i>
MSCEIT	=	<i>Mayer Salovey Caruso Emotional Intelligence</i>
PMR	=	Penilaian Menengah Rendah
PPD	=	Pejabat Pelajaran Daerah
SPM	=	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	=	<i>Statistical Package for Science Social</i>
SQ	=	Spiritual Quotient
SSDM	=	Sistem Salahlaku Disiplin Murid
USMEQ-i	=	<i>USM Emotional Quotient Inventory</i>

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Isu remaja dan salah laku sering menjadi topik kajian kepada para penyelidik (Catherine, Sanna dan Amanda, 2011, Melati dan Zaharah, 2006). Kajian-kajian yang dijalankan di sekolah banyak mengaitkan remaja dengan isu-isu salah laku seperti kes juvana, lari dari rumah, vandalisme dan buli (Paul & Joseph, 2011). Salah laku yang berlaku dalam kalangan remaja perlu dipandang serius memandangkan senario tersebut melanda golongan remaja di seluruh dunia khususnya di negara Eropah dan Asia (Daniel, 2009). Salah laku remaja merujuk kepada perbuatan dan aktiviti yang berlawanan dengan norma-norma masyarakat, undang-undang negara dan agama. Perbuatan yang dikategori dalam kumpulan salah laku adalah seperti mencuri, merompak, merogol, berzina, membunuh, menagih dadah, menderhaka kepada ibu bapa, ponteng sekolah, memeras ugut, memukul, mencabar atau pun melawan guru, membuli dan lain-lain perbuatan yang seumpamanya (Hairunnaja, 2004). Salah laku juga merupakan sejenis kesalahan yang boleh dirujuk di bawah peraturan yang telah ditetapkan (Robert, 2002).

Di Malaysia misalnya, perangkaan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (Laporan Statistik JKM, 2010) menyatakan sebanyak 4465 kes baru bagi pesalah muda yang dicatatkan pada tahun 2010. Kesalahan yang direkodkan adalah kesalahan yang melibatkan harta benda, dadah, lalulintas, senjata/bahan api, judi, dadah dan melanggar syarat pengawasan. Antara semua negeri yang disenaraikan, negeri Johor mencatatkan kes salahlaku yang paling tinggi iaitu sebanyak 655 kes.

Pelbagai faktor penyumbang kepada salah laku perlu dikenalpasti dalam usaha mengurangi kadar peratusan salah laku yang melanda remaja dewasa ini. Berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan oleh Campbell (1987), Carlson (2006) dan Lonardo, Giordano, Longmore dan Manning (2009) jelas menunjukkan bahawa faktor-faktor luaran seperti rakan sebaya, keluarga, media massa dan sekolah merupakan faktor yang telah dikaji sejak awal tahun 80 an. Walau bagaimanapun, kes-kes salah laku yang melibatkan remaja masih wujud di Malaysia berdasarkan kewujudan sekolah dan pusat khas seperti Henry Gurney, Sekolah Tunas Harapan, Asrama Akhlak dan Pusat Pemulihan Akhlak masih ada dan berfungsi hingga ke hari ini. Berdasarkan senario ini muncul persoalan berkenaan mungkinkah terdapat faktor lain yang berunsurkan faktor dalaman mempengaruhi salah laku remaja. Tambahan pula terdapat kajian yang menyatakan bahawa faktor dalaman perlu dilihat untuk mengkaji isu-isu salah laku (Zainudin, 2011).

Jika dilihat isi kandungan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial merupakan aspek yang diberi perhatian untuk melahirkan modal insan yang seimbang dan harmonis. Falsafah ini bukan sahaja dikhususkan untuk kanak-kanak malah golongan remaja turut difokuskan kerana mereka masih berada di alam persekolahan. Kelima-lima aspek yang dinyatakan

merupakan aspek berunsur dalaman yang merujuk kepada diri seseorang pelajar termasuk remaja. Dua daripada lima aspek tersebut iaitu emosi dan rohani boleh dikaitkan dengan kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual, iaitu kecerdasan yang wujud hasil daripada penemuan kecerdasan pelbagai oleh Howard Gardner pada tahun 1983. Beberapa kajian lepas samada di dalam dan luar negara telah membuktikan bahawa kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual memberi pengaruh ke atas penghasilan tingkah laku seseorang samada tingkah laku positif atau pun tingkah laku negatif.

1.2 Latar Belakang Masalah

Kewujudan kecerdasan emosi terhasil ekoran daripada beberapa kajian ke atas dua bidang psikologi (Brackett, Mayer dan Warner, 2011). Bidang kajian psikologi pertama merupakan kajian terhadap peranan kognitif dan kesan-kesannya, iaitu melihat bagaimana proses kognitif dan proses emosi berhubung di antara satu sama lain bagi meningkatkan pemikiran. Misalnya, bagaimana emosi seperti kemarahan, kegembiraan, ketakutan atau apa jua perasaan dapat mempengaruhi pemikiran seseorang dalam membuat keputusan seterusnya tindakan yang diambil. Bidang yang kedua pula merujuk kepada penilaian ke atas model kecerdasan itu sendiri. Model ini dilihat bagaimana ianya mampu berhubung antara perkara-perkara yang bersifat analitikal dengan daya ingatan, penaakulan, penilaian pemikiran abstrak, teori dan penyelidikan. Kedua-dua bidang kajian tersebut mencetuskan istilah kecerdasan emosi yang dilihat sebagai satu kebolehan mental yang boleh berfungsi dengan lebih meluas (Brackett et al., 2011).

Pernyataan ini selaras dengan huraian daripada Goleman (1995) di mana beliau menjelaskan bahawa individu yang memiliki tahap kecerdasan emosi yang rendah merupakan individu yang tidak mampu mendiagnosis serta memantau persekitaran dalaman diri sendiri dan orang lain. Individu ini kebiasaannya tidak menunjukkan

ketangkasan dalam menguruskan hubungan mereka dengan orang lain dan menggunakan pendekatan yang kurang menyenangkan. Berbeza dengan kecerdasan intelek atau IQ yang menggunakan otak semata-mata, kecerdasan emosi melibatkan penggunaan otak dan jiwa dalam menghasilkan sesuatu tindakan, tingkah laku dan perasaan (Joseph, Berry dan Deshpande, 2009).

Kecerdasan ini merupakan salah satu cabang ilmu pengetahuan yang mula diterokai sekitar awal 1980an. Percambahan idea dalam mewujudkan istilah kecerdasan dan konsep kecerdasan timbul setelah *multiple intelligence* atau kecerdasan pelbagai mula diperkenalkan oleh Gardner sekitar tahun 1975 (Mayer, 2008). Kecerdasan ini dapat diertikan sebagai salah satu subjek yang dapat mengenalpasti emosi sebagai komponen dalam aktiviti intelektual seperti penaaakuan, persepsi, pembelajaran dan perancangan (Aruna dan Amit, 2009). Seterusnya, kecerdasan emosi telah diperkenalkan oleh Salovey dan Mayer pada sekitar tahun 1990 dan kemudiannya dipopularkan oleh Daniel Goleman menerusi bukunya *Intelligence: Why It Can Matter More than IQ* (1995).

Brackett et al. (2011) telah membuktikan bahawa kemampuan dalam mengendali emosi samada negatif atau positif yang wujud dalam diri berupaya mempengaruhi ke atas sesuatu tindakan yang diambil. Kekurangan kemahiran dalam pengendalian emosi berkait rapat dengan tahap kecerdasan emosi yang dimiliki oleh seseorang. Tahap kecerdasan emosi yang rendah menyebabkan seseorang individu kurang mampu mengendali sebarang emosi yang dirasakan secara efektif bagi mewujudkan suasana kehidupan yang sihat. Kajian ini juga turut mendapati bahawa kekurangan kecerdasan emosi menyebabkan manusia tidak dapat berfungsi sebagai agen sosial yang positif untuk memahami emosi individu lain, menerima pandangan yang berbeza dan meningkatkan komunikasi serta hubungan dengan masyarakat.

Terdapat empat cabang kecerdasan emosi yang diusulkan oleh Brackett et al. (2011) yaitu mengenalpasti emosi, penggunaan emosi untuk berfikir, memahami emosi dan mengurus emosi. Keempat-empat cabang ini disusun mengikut hierarki berdasarkan proses asas psikologikal (seperti mengenalpasti emosi) berada pada dasar model manakala proses psikologi yang lebih sukar berada pada tahap tinggi. Gabungan keempat-empat cabang ini membantu individu untuk mengendali sebarang emosi yang tidak menyenangkan atau emosi negatif secara lebih efektif seterusnya menggalakkan penghasilan emosi yang positif yang membawa kepada kesejahteraan peribadi.

Kegagalan mengurus emosi akan menyebabkan remaja menghadapi satu keadaan yang dikenali sebagai “*arrested emotional development*”. Situasi ini menyebabkan remaja gagal mencapai tahap kematangan moral yang maksimum bagi menahannya melakukan sesuatu yang bertentangan dari segi norma sosial (Melati dan Zaharah, 2006). Situasi ini juga wujud kerana peringkat remaja merupakan peringkat yang melibatkan perubahan pesat sama ada perubahan dari aspek biologi, fizikal, mental dan emosi selain perubahan tanggungjawab dan peranan. Kegagalan dalam menyesuaikan dan mengimbangi diri dengan sebarang perubahan yang dialami menyebabkan berlaku ketegangan dan tekanan emosi dalam diri remaja yang boleh membawa kepada pelbagai masalah dan konflik (Fariza, 2005).

Apabila ketidakseimbangan antara kemampuan individu dan tekanan yang diterima berlaku, remaja akan menjadi cemas dan mewujudkan kebimbangan dalam diri mereka. Mekanisme pertahanan iaitu samada secara positif atau negatif akan digunakan sebagai kaedah penerimaan sebarang perubahan dengan pengalaman yang menyakitkan, konflik dalaman, kekurangan diri dan segala perasaan kebimbangan yang berkaitan (Gullotta, Adams dan Markstrom, 1999). Menurutny lagi, remaja yang bersedia dengan kehadiran masalah dan sanggup menerimanya dengan hati terbuka akan menjadikan mereka berjaya menerima perubahan-perubahan tersebut. Sebahagian remaja pula tidak berupaya menyesuaikan atau menerima dengan mudah

perubahan, lalu menunjukkan gangguan psikologi pada dirinya. Keadaan ini seterusnya menimbulkan ketegangan dan tekanan kepada emosi remaja seterusnya membawa kepada perubahan tingkah laku yang negatif seperti salah laku.

Aspek emosi juga turut diberi perhatian oleh Jackson (2002) yang telah menggunakan *Behavior Assessment System for Children* (BASC) untuk kajiannya. Beliau mendapati aspek emosi merupakan salah satu elemen yang boleh mempengaruhi perubahan dan pembentukan tingkah laku samada tingkahlaku positif atau tingkah laku negatif. Penggunaan alat pengujian tersebut digunakan bagi melihat pengaruh emosi dalam salah laku remaja.

Lerner dan Keltner (2001) dalam kajiannya menyatakan emosi boleh mempengaruhi individu yang mempunyai tingkah laku berisiko untuk terlibat dengan salah laku. Dapatan daripada Lerner and Keltner (2001) yang menekankan faktor emosi dalam pembentukan salah laku adalah selari dengan dapatan Aminuddin (2009) dan Gerald (2003). Dapatan daripada Gerald (2003) yang mendapati ketidakstabilan dari aspek emosi dalam kalangan remaja berhubung kait dengan tingkah laku negatif yang mereka lakukan. Tingkah laku negatif yang wujud dalam kalangan remaja dan pendedahan salah laku untuk jangka masa panjang boleh mencetuskan tingkah laku agresif pada masa hadapan (Daniel et al., 2005).

Keadaan semakin kritikal apabila kecerdasan emosi yang rendah dalam kalangan remaja mengundang pelbagai implikasi seperti kemurungan, tahap kesihatan mental yang rendah, kesukaran menyesuaikan diri dengan persekitaran dan mempunyai tahap ketakutan atau keresahan yang tinggi (Salguero, Palomera dan Pablo, 2010). Mereka juga turut dikaitkan dengan kecenderungan untuk melayan emosi secara berlebihan serta kurang berkemahiran dalam mengendali perasaan sendiri (Garber, Braafladt dan Weiss, 1995).

Selain itu, individu yang memiliki tahap kecerdasan emosi yang rendah turut dikaitkan dengan kekurangan kemahiran dalam pengendalian pelbagai cabaran dalam kehidupan (Inderjit Kaur, Schutte dan Thorsteinsson, 2006). Kekurangan ini terjadi disebabkan kelemahan dalam mengenalpasti dan memahami emosi, selain kurang kecenderungan untuk menggunakan emosi dalam membuat sesuatu keputusan. Dapatan yang sama turut diperoleh bagi kajian yang mengaitkan tahap kecerdasan emosi yang rendah dengan masalah penyalahgunaan dadah.

Tahap kecerdasan emosi yang rendah juga menjadi peramal kepada masalah tingkah laku seperti kenakalan dan keganasan dalam kalangan remaja turut dibuktikan oleh Santesso, Dana, Reker, Louis, Schmidt dan Segalowitz (2006). Kebanyakan remaja yang di kategorikan dalam kes juvana mempunyai kecerdasan emosi yang rendah dan menunjukkan kekurangan dalam menyerlahkan potensi diri. Mereka juga sukar mengenalpasti dan membaik pulih perasaan yang tidak menyenangkan.

Kajian antara kecerdasan emosi dengan tingkah laku tidak beretika turut dibuktikan oleh Mesmer-Magnus, Viswesvaran, Joseph, dan Deshpande (2008). Beliau menyatakan kecerdasan emosi yang rendah berkait rapat dengan tingkah laku tidak beretika samada yang dilakukan oleh diri sendiri atau orang lain. Kajian yang melibatkan 198 pelajar universiti sebagai responden menunjukkan bahawa responden yang memiliki kecerdasan yang rendah lebih suka mentafsir tindakan tidak beretika yang dilakukan oleh individu lain sebagai justifikasi tingkahlaku tidak beretika yang mereka lakukan.

Selain kecerdasan emosi, kecerdasan spiritual juga boleh dilihat sebagai pencetus kepada gejala salah laku. Kajian Aminuddin (2009) mendapati bahawa kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual merupakan keperluan asas dalam melahirkan warganegara yang berpengetahuan dan mempunyai tahap moral yang

tinggi. Kedua-dua kecerdasan tersebut sangat diperlukan bagi membantu remaja membezakan sesuatu perkara yang baik dengan perkara yang buruk. Menurutny lagi, remaja yang tidak memiliki ciri-ciri tersebut menyukarkan mereka mencapai tahap yang tinggi dalam penghasilan peribadi yang berfungsi sepenuhnya dan kurang mampu menyumbang keharmonian kepada keluarga, masyarakat dan negara.

Selain kecerdasan emosi, kecerdasan pelbagai juga turut mengetengahkan istilah *existential intelligence* atau kecerdasan kewujudan (Gardner, 1993). Kecerdasan ini berkait rapat dengan kebolehan untuk memahami unsur-unsur keagamaan dan kerohanian. Ianya tidak dapat dilihat menerusi mata kasar tetapi dapat dijelaskan menerusi iman, keyakinan dan kepercayaan. Lanjutan daripada dapatan kecerdasan kewujudan yang diutarakan oleh Gardner, beberapa ahli psikologi lain mula mengetengahkan kecerdasan spiritual atau kecerdasan rohani. Tony Buzan (2001) menjelaskan kecerdasan spiritual sebagai suatu bentuk kesedaran yang wujud terhadap dunia yang didiami. Danah Zohar (2010) juga turut membincangkan kecerdasan spiritual sebagai satu sumber kekayaan, kuasa dan pengaruh yang mampu mendorong seseorang bertindak. Tindakan yang diambil bermula daripada nilai-nilai murni dari jiwa dalaman seseorang yang penuh makna bagi menjadikan kehidupan mereka lebih bernilai.

Vaughan (2002) memberi definisi yang tidak jauh berbeza dengan pendapat ahli psikologi lain terhadap istilah kecerdasan spiritual. Beliau menyatakan spiritual sebagai puncak dan pengalaman yang tertinggi dalam apa jua aspek pembangunan manusia samada aspek kognitif, moral, emosi dan interpersonal. Ianya juga dapat digambarkan sebagai hubungan dengan Tuhan, sesama manusia dan alam sekitar. Spiritual ditegaskan sebagai penghidupan minda dan hubungan dengan dunia, memahami persoalan akan kewujudan, dan bertindak sebagai dasar kepada perubahan kehidupan. Kecerdasan ini juga muncul sebagai satu perkembangan kesedaran yang mendalam terhadap kehidupan, jiwa, minda dan kuasa.

Kecerdasan spiritual mempunyai makna yang cukup meluas. King (2009) telah membahagikan kecerdasan spiritual kepada empat domain atau bahagian bagi memberi definisi yang lebih jelas terhadap istilah kecerdasan spiritual. Pemberian definisi oleh King merangkumi aspek pemikiran kritikal terhadap kewujudan, penghasilan makna tersendiri, kesedaran terhadap perkara-perkara yang tidak mudah dicapai oleh akal fikiran serta pengembangan ruang sedar.

Kecerdasan spiritual turut dikonsepsikan sebagai kebolehan untuk berkelakuan atau melakukan sesuatu tindakan yang diiringi dengan rasa belas dan kebijaksanaan di samping mengekalkan kestabilan dalaman dan luaran diri tanpa mengira situasi Wigglesworth (2002). Ianya merupakan keperluan peribadi yang amat penting. Kekurangan kecerdasan spiritual menjadikan seseorang individu tidak dapat mengekalkan kesejahteraan dalaman atau luaran semasa berhadapan dengan apa keadaan yang menekan atau konflik.

Elemen spiritual telah dilihat oleh *Center for Spiritual Development in Childhood and Adolescence (CSD)* yang telah dilancarkan oleh Search Institute Minneapolis, Minnesota, USA pada tahun 1996. Pusat tersebut melihat spiritual merupakan elemen dan sebagai salah satu aspek yang berhubungkait dengan proses kehidupan manusia (Kimball, Mannes, dan Hackel, 2009).

Pemahaman terhadap aspek spiritual dalam perspektif proses perkembangan manusia telah dilihat dengan lebih meluas oleh Fowler, (1981) dan Kohlberg, (1976). Dapatan daripada kedua-dua penyelidik tersebut telah memberi kesimpulan bahawa proses perkembangan manusia dan perkembangan rohani berlaku sepanjang hayat seseorang individu. Walau bagaimanapun, perkembangan tersebut adalah berbeza-beza di antara satu sama lain dan bergantung kepada individu dalam pemahaman mereka terhadap pengalaman dan peristiwa-peristiwa serta persoalan kehidupan yang dialami (Farran, Mannes, dan Hackel, 1989).

Penerapan elemen-elemen spiritual dalam kehidupan manusia dapat mempengaruhi tingkah laku yang lebih positif (VonDras, Schmitt dan Marx, 2007; Christopher 2011). VonDras et.al (2007) telah menjalankan kajian dan mendapati bahawa aspek keagamaan dan kesejahteraan rohani boleh dijadikan medium untuk pencegahan penggunaan alkohol di kalangan remaja. Kegagalan memasukkan elemen-elemen spiritual dalam kehidupan remaja menyebabkan mereka kurang kefahaman dalam memahami dan menghadapi pelbagai cabaran kehidupan (Wahl, Cotton, Harrison-Monroe , 2008).

Spiritual juga mempunyai hubungkait dengan sikap kemarahan dan tekanan dalam kalangan peringkat awal remaja (Carlozzi, Winterowd, Harrist, Thomason, Bratkovich, dan Worth, 2011). Tahap spiritual yang berbeza di antara satu sama lain memberi pengaruh ke atas tahap tekanan yang dialami serta tahap kemarahan yang dirasai.

Berdasarkan dapatan kajian-kajian yang telah dinyatakan sebelum ini jelas menunjukkan bahawa elemen-elemen yang dikaitkan dengan kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual mempunyai pengaruh ke atas emosi seterusnya tingkah laku seseorang. Kajian-kajian yang dijalankan bukan sahaja dijalankan di Malaysia dan Asia, malah turut dikaji oleh penyelidik dari negara-negara yang lain.

1.3 Pernyataan Masalah

Salah laku remaja terutamanya di Johor telah mencatatkan jumlah kes yang paling tinggi berbanding negeri-negeri lain. Pelbagai faktor seperti faktor keluarga, persekitaran, kawan dan media massa telah dikaji sejak awal tahun 80an bagi

mengenalpasti penyumbang kepada salah laku remaja. Walau bagaimana pun, kes-kes salah laku yang melibatkan remaja masih berlaku dengan kewujudan sekolah atau jabatan seperti Sekolah Henry Gurney, Sekolah Tunas Harapan, Asrama Akhlak dan Pusat Pemulihan Akhlak yang masih berfungsi hingga ke hari ini.

Sejajar dengan perkembangan dunia pendidikan, terdapat banyak kajian berkenaan kecerdasan terutamanya kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual yang menyatakan bahawa kedua-dua kecerdasan ini mampu memberi pengaruh ke atas pembentukan tingkah laku seseorang. Dapatan daripada kajian-kajian yang dinyatakan sebelum ini ternyata membuktikan bahawa elemen-elemen kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual merupakan faktor berunsur dalaman yang dapat menghasilkan individu yang sejahtera dan telah dikaji pada peringkat global. Kekurangan penerapan elemen kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual menyebabkan seseorang individu mengalami kekurangan dalam beberapa kemahiran yang diperlukan untuk kesejahteraan hidup.

Walaupun kedua-dua kecerdasan ini telah dapat membuktikan pengaruh ke atas pembentukan tingkah laku, namun kajian yang menggabungkan kedua-dua kecerdasan ini dalam satu kajian untuk mengkaji pengaruh ke atas salah laku masih belum dilaksanakan di Malaysia. Atas dasar ini keperluan untuk mengkaji pengaruh kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual ke atas salah laku dirasakan perlu bagi melihat adakah faktor-faktor ini mempengaruhi pembentukan gejala salah laku remaja khususnya dalam daerah Johor Bahru.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meninjau pengaruh kecerdasan emosi, dan kecerdasan spiritual terhadap salah laku pelajar remaja. Objektif kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti :

- i. Tahap kecerdasan emosi remaja yang terlibat dengan salah laku.
- ii. Tahap kecerdasan spiritual remaja yang terlibat dengan salah laku.
- iii. Tahap salah laku remaja yang terlibat dengan salah laku.
- iv. Pengaruh kecerdasan emosi (pengawalan emosi, kematangan emosi, kehematan emosi, kepekaan emosi, komitmen emosi, keanjalan emosi dan ekspresi emosi) terhadap salah laku remaja.
- v. Pengaruh kecerdasan spiritual (ketuhanan dan psikososial) terhadap salah laku remaja.
- vi. Pengaruh kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual terhadap salah laku remaja.
- vii. Perkaitan antara kecerdasan emosi dengan kecerdasan spiritual di kalangan remaja.

1.5 Persoalan Kajian

- i. Apakah tahap kecerdasan emosi remaja yang terlibat dengan salah laku?
- ii. Apakah tahap kecerdasan spiritual remaja yang terlibat dengan salah laku?
- iii. Apakah tahap salah laku di kalangan remaja?
- iv. Adakah kecerdasan emosi (pengawalan emosi, kematangan emosi, kehematan emosi, kepekaan emosi, komitmen emosi, keanjalan emosi dan ekspresi emosi) mempunyai hubungan yang signifikan dengan salah laku remaja?
- v. Adakah kecerdasan spiritual (ketuhanan dan psikososial) mempunyai hubungan yang signifikan dengan salah laku remaja?
- vi. Adakah kesedaran emosi dan kecerdasan spiritual mempunyai hubungan yang signifikan dengan salah laku remaja?
- vii. Adakah terdapat perkaitan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan kecerdasan spiritual dalam kalangan remaja?

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis ialah satu kesimpulan awal yang dibuat oleh pengkaji bagi menentukan hasil awal kajian yang hendak dilaksanakan atau dijalankan. Untuk menjawab persoalan kajian iv hingga vii, enam hipotesis nol dibentuk seperti berikut:

H₀1 : Kecerdasan emosi tidak mempengaruhi salah laku remaja.

H₀2: Domain kecerdasan emosi (pengawalan emosi, kematangan emosi, kehematan emosi, kepekaan emosi, komitmen emosi, keanjalan emosi dan ekspresi emosi) tidak mempengaruhi salah laku remaja.

H₀3: Kecerdasan spiritual tidak mempengaruhi salah laku remaja.

H₀4: Domain kecerdasan spiritual (ketuhanan dan psikososial) tidak mempengaruhi salah laku remaja.

H₀5: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual dengan salah laku.

H₀6: Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual dengan salah laku.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijangka dapat mengesan tahap dan hubungan bagi setiap faktor yang mempengaruhi pembentukan salah laku remaja. Terdapat dua faktor utama yang ingin dikaji dalam pembentukan salah laku remaja iaitu kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual. Kedua-dua faktor tersebut di kategorikan sebagai faktor dalaman yang ada pada setiap individu.

Kajian ini melibatkan pengukuran domain-domain yang terkandung di dalam kecerdasan emosi iaitu pengawalan emosi, kematangan emosi, kehematan emosi, kepekaan emosi, komitmen emosi, keanjalan emosi dan ekspresi emosi. Menerusi pengukuran komponen-komponen tersebut, ianya dapat menjelaskan sejauhmana kecerdasan emosi memberi kesan terhadap pemikiran remaja dalam mempertimbangkan sesuatu perkara serta tindakannya. Tindakan yang terhasil mungkin bersifat positif ataupun negatif seperti salah laku.

Kajian ini turut mengetengahkan domain-domain yang terkandung di dalam kecerdasan spiritual iaitu domain ketuhanan dan psikososial. Kedua-dua domain ini merangkumi kebolehan merenungi atau memahami akan sesuatu kewujudan secara kritikal, kebolehan memperoleh erti dan tujuan kehidupan, kebolehan mengenalpasti pola dimensi spiritual diri sendiri dan orang lain di samping mampu untuk mengenal pasti hubungan mereka dengan diri sendiri dan dunia fizikal serta kebolehan dalam memasuki ruang kesedaran yang tertinggi menerusi kebijaksanaan sendiri sebagai refleksi sendiri. Kesemua komponen ini akan dikaji ke atas setiap responden untuk mengetahui pengaruh komponen tersebut ke atas salah laku remaja.

i. Dapatan dari kajian ini membolehkan setiap organisasi dapat memikirkan inisiatif yang dirasakan perlu diambil dengan memberi penekanan terhadap penerapan

unsur-unsur kecerdasan emosi dan spiritual pada setiap peringkat umur. Terdapat empat organisasi yang dirasakan mempunyai kepentingan dalam penerapan unsur-unsur tersebut iaitu pelajar, guru, ibubapa, Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) dan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN).

i. Pelajar

Memandangkan sistem pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di sekolah adalah berpusatkan pelajar, maka pelajar perlu mencapai tahap kecerdasan emosi yang tinggi supaya mereka lebih mengenali diri sendiri, lebih bermotivasi serta dapat menguasai kemahiran interpersonal. Komponen-komponen tersebut amat diperlukan bagi membolehkan pelajar mudah berhubung dengan persekitaran yang terdiri daripada ibubapa, rakan sebaya dan guru untuk mendapat dan mencerpak maklumat yang membantu meningkatkan prestasi akademik serta cara tingkah laku yang betul.

ii. Guru

Guru merupakan individu yang terlibat secara langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Mereka juga bertindak sebagai pembimbing kepada pelajar dari pelbagai aspek pendidikan. Dapatan dari kajian ini membolehkan para guru membuat perancangan pengajaran dan aktiviti yang bersesuaian dengan keadaan pelajar bagi membolehkan mereka berkembang dengan maksimum seterusnya membentuk tingkah laku yang cemerlang.

iii. Ibubapa

Semua ibubapa mengharapkan kejayaan daripada anak-anaknya. Namun banyak aspek yang perlu diambilkira yang perlu dikuasai oleh pelajar untuk mencapai kejayaan. Dapatan kajian ini boleh dijadikan sumber rujukan dan maklumat kepada ibubapa akan pentingnya pendidikan yang sempurna diberi kepada anak-anak bagi menjamin kejayaan mereka dalam bidang akademik.

iv. Pejabat Pelajaran Daerah (PPD)

Pejabat Pelajaran Daerah merupakan jabatan yang bertindak sebagai badan yang mengawalselia dan merancang program-program yang dijalankan di sekolah-sekolah yang berada di bawah daerah tersebut. Kesedaran akan kepentingan kecerdasan emosi dan kecerdasan rohani membolehkan pihak PPD memasukkan unsur-unsur kecerdasan tersebut dalam program yang dirancang seterusnya menghasilkan pelajar yang cemerlang serta seimbang dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.

v. Jabatan Pelajaran Negeri (JPN)

Jabatan Pelajaran Negeri memainkan peranan yang penting untuk mewujudkan penggunaan kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual di sekolah-sekolah. Pelbagai kursus yang mengandungi pengisian kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual boleh dirangka khusus untuk melatih para guru di sekolah. Hasil daripada kursus yang diikuti, guru-guru boleh mengaplikasikan ilmu yang diterima kepada pelajar bagi menimbulkan kesedaran kepada golongan remaja yang bermasalah untuk berubah kepada yang lebih positif.

1.8 Batasan Kajian


Kajian ini dilaksanakan bagi melihat peranan kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual dalam mempengaruhi salah laku remaja. Sungguhpun begitu, penyelidik menghadapi beberapa batasan tertentu yang menyebabkan gambaran secara menyeluruh tidak dapat dilaksanakan. Antara batasan kajian adalah:

- i. Kajian hanya dijalankan di sekolah menengah yang terdapat di dalam zon Johor Bahru.
- ii. Responden yang terlibat terdiri daripada pelajar-pelajar beragama Islam kerana instrumen kecerdasan spiritual dibangunkan khusus untuk individu yang beragama Islam.
- iii. Pelajar yang terlibat sebagai responden terdiri daripada pelajar tingkatan empat iaitu peringkat pertengahan remaja dan telah melalui lebih banyak pengalaman hidup sebagai remaja jika dibandingkan dengan pelajar tingkatan satu dan tingkatan dua. Pelajar tingkatan tiga dan tingkatan lima pula tidak diambil sebagai responden memandangkan mereka terlibat dengan persediaan untuk menduduki peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
- iv. Kajian ini hanya menyentuh faktor dalaman iaitu kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual sebagai pembolehubah yang menyumbang pembentukan salah laku remaja. Faktor-faktor lain yang dijangka mempengaruhi salah laku remaja tidak diambil kira.

1.9 Kerangka Teori Kajian

Kerangka teori kajian yang digunakan untuk kajian ini bertujuan untuk menerangkan domain-domain yang terkandung di dalam kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual iaitu pembolehubah yang dikaji ke atas salah laku remaja. Kajian ini melibatkan dua jenis pembolehubah iaitu pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar. Kecerdasan spiritual dan kecerdasan emosi dikategorikan sebagai pembolehubah tidak bersandar kerana kedua-dua kecerdasan

tersebut merupakan pembolehubah yang dijangka akan mempengaruhi pembolehubah lain (pembolehubah bersandar) dan menjadi penyebab sesuatu kejadian. Salah laku remaja pula dikategorikan sebagai pembolehubah bersandar kerana ianya merupakan pembolehubah yang menerima kesan daripada pembolehubah tidak bersandar.



Rajah 1.1: Kerangka Teori Kajian Pengaruh Kecerdasan Emosi dan Kecerdasan Spiritual Terhadap Salah Laku Remaja

Berdasarkan rajah 1.1, dua teori terlibat sebagai asas dalam kajian ini. Teori Kecerdasan Emosi Goleman digunakan bagi menerangkan aspek kecerdasan emosi manakala Teori Kecerdasan Spiritual Moberg pula digunakan bagi menerangkan aspek kecerdasan spiritual.

Menerusi kajian ini, penyelidik meletakkan kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual sebagai faktor yang mempengaruhi pembentukan salah laku remaja.

Penyelidik ingin mengkaji apakah tahap kedua-dua kecerdasan tersebut dalam kalangan remaja yang terlibat dengan salah laku. Penyelidik juga ingin melihat domain-domain yang signifikan dalam kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual dengan salah laku remaja.

Selain itu, penyelidik juga ingin melihat adakah setiap kecerdasan tersebut mempunyai perkaitan antara satu sama lain sehingga mencetuskan salah laku di kalangan remaja. Dapatan-dapatan yang diperoleh menerusi kajian ini dapat menjelaskan akan kepentingan faktor dalaman yang perlu dilihat dalam menjelaskan senario salah laku remaja. Ianya juga dapat menjelaskan keperluan penekanan pendidikan berteraskan kedua-dua kecerdasan tersebut dalam mencegah tingkah laku kenakalan remaja.

1.9.1 Teori Kecerdasan Emosi Goleman

Goleman (1995) telah mendefinisikan kecerdasan emosi sebagai satu keupayaan yang dimiliki oleh seseorang untuk mengenal perasaan sendiri dan orang lain, mengurus emosi sendiri serta berupaya menjalin sesuatu perhubungan interpersonal. Teori ini diutarakan oleh Goleman bagi membuktikan bahawa terdapat kecerdasan lain yang perlu diukur selain kecerdasan intelek sebagai pelengkap dalam mengukur kecerdasan seseorang individu.

Kecerdasan ini digunakan untuk melihat kemampuan seseorang mengurus emosi dirinya seterusnya menghasilkan sesuatu tindakbalas. Tindakbalas yang terhasil adalah berbeza-beza daripada individu lain kerana ianya bergantung kepada bagaimana seseorang menterjemah dan mengurus emosinya. Goleman telah


memecahkan teori ini kepada lima domain iaitu mengenali emosi diri sendiri, mengatur emosi diri sendiri, memotivasikan diri sendiri, mengenal emosi orang lain dan mengendalikan hubungan interpersonal.

1.9.2 Teori Kecerdasan Spiritual Moberg

Moberg (1971) menjelaskan konsep spiritual untuk kesejahteraan hidup dilihat dari dua dimensi iaitu secara horizontal dan vertical. Dimensi vertical atau dimensi keagamaan merujuk kepada hubungan kesejahteraan individu dengan kekuasaan Tuhan. Dimensi horizontal atau dimensi kewujudan pula merujuk kepada bagaimana seseorang individu mengendalikan diri sendiri dengan diri, masyarakat dan persekitaran untuk menyelesaikan sesuatu keadaan bagi mencapai kepuasan dalam hidup.

1.10 Kerangka Konseptual Kajian

Kajian ini menggunakan aspek faktor dalaman iaitu kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual sebagai faktor penyumbang kepada salah laku di kalangan remaja. Terdapat tujuh domain yang di cirikan di bawah kecerdasan emosi iaitu pengawalan emosi, kematangan emosi, kehematan emosi, kepekaan emosi, komitmen emosi, keanjalan emosi dan ekspresi emosi. Kecerdasan spiritual pula dilihat dari dua aspek iaitu ketuhanan dan psikososial. Penyelidik akan mengkaji tahap setiap domain bagi kedua-dua kecerdasan tersebut dalam mempengaruhi salah laku remaja.



Rajah 1.2 : Kerangka Konsep Kajian

Selain itu, kajian ini akan menunjukkan hubungan antara kedua-dua kecerdasan tersebut di kalangan remaja yang terlibat dengan salah laku. Rajah 1.2, menunjukkan pengaruh kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual ke atas salah laku remaja. Konsep tersebut juga menunjukkan hubungan antara kecerdasan emosi dengan kecerdasan spiritual.

1.11 Definisi Istilah Kajian

Definisi operasional kajian digunakan bagi menjelaskan kefahaman tentang konsep-konsep yang digunakan dalam kajian ini. Definisi operasi yang dijelaskan membawa maksud yang khusus dan sesuai dalam konteks kajian yang dijalankan.

i. Remaja

Remaja merupakan peringkat pertengahan antara zaman kanak-kanak dengan zaman dewasa. Dalam kajian ini, remaja yang dimaksudkan merupakan individu berusia antara 13 tahun hingga 17 tahun yang sedang mengalami proses perkembangan dan penyesuaian dari zaman kanak-kanak ke alam dewasa. Remaja yang dimaksudkan merupakan pelajar sekolah 6 buah sekolah dalam daerah Johor Bahru. Menurut Nazar (1992), remaja merujuk kepada remaja merupakan jambatan biologi antara alam kanak-kanak dengan alam dewasa. Ianya merupakan peringkat di mana individu perlu menyesuaikan diri dan mengubah tingkah laku di alam kanak-kanak kepada tingkah laku yang bersesuaian dengan budaya alam dewasa.

ii. Kecerdasan

Merupakan kemampuan individu dalam membuat persepsi, pembelajaran, pemahaman dan pengetahuan. Stenberg (1985) memberi definisi kecerdasan sebagai aktiviti mental ke arah penyesuaian yang mempunyai tujuan, pemilihan dan pembentukan dunia persekitaran yang berkaitan dengan kehidupan seseorang. Jerome (1996) menjelaskan bahawa kecerdasan boleh didefinisikan dalam dua cara atau pendekatan iaitu secara kuantitatif (bersifat psikometrik) dan kualitatif (bersifat struktur). Pendekatan secara kuantitatif menjelaskan kecerdasan sebagai pembelajaran atau kebolehan menyelesaikan masalah. Pendekatan secara kualitatif pula menjelaskan kecerdasan sebagai ruang pemikiran bagi melihat bagaimana seseorang memproses maklumat daripada persekitaran.

Kecerdasan merujuk kepada kebolehan untuk membuat penyesuaian yang mempunyai tujuan, pemilihan dan pembentukan dunia persekitaran. Dalam kajian ini, kecerdasan merujuk kepada kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual yang akan digunakan bagi mengkaji pengaruh kedua-dua kecerdasan tersebut ke atas tingkah laku kenakalan remaja.

iii. Kecerdasan emosi:

Kecerdasan emosi (EQ) merupakan sejenis kecerdasan berkaitan pengurusan emosi. Kecerdasan ini juga boleh ditakrifkan sebagai keupayaan untuk melihat, menyatakan, memahami, mendorong, mengawal emosi serta mempunyai kesedaran yang tinggi ke atas sesuatu emosi (Saiful dan rakan-rakan, 2010).

Kecerdasan emosi merupakan sejenis kecerdasan sosial yang melibatkan kemahiran untuk memantau serta membuat diskriminasi di antara emosi sendiri atau emosi orang lain, dan seterusnya memanfaatkan maklumat ini sebagai panduan pemikiran dan tindakan seseorang (Young, 1996). Kecerdasan ini merangkumi pengenalan diri, semangat dan ketekunan serta kemampuan memotivasikan diri sendiri dan bertahan menghadapi kegagalan, kesanggupan mengendalikan dorongan hati dan emosi, tidak melebihi-lebihkan kesenangan, mengatur suasana hati dan menjaga supaya beban tekanan tidak melumpuhkan kemampuan berfikir bagi membaca perasaan paling dalam orang lain dan berdoa untuk memelihara hubungan dengan sebaik-baiknya, kemampuan untuk menyelesaikan konflik serta untuk memimpin.

Berdasarkan beberapa pengertian yang diutarakan, kecerdasan emosi yang akan digunakan dalam kajian ini merupakan kebolehan dan kemampuan menguruskan emosi yang dimiliki oleh responden dalam menangani pelbagai cabaran hidup. Ianya didefinisikan sebagai kecerdasan yang bertanggungjawab mengawal satu atau pelbagai emosi, mengdiskriminasi suatu emosi dan menggunakan maklumat berkaitan untuk mengawal pemikiran dan tindakan seseorang. Terdapat 7 domain kecerdasan emosi yang dikaji menerusi kajian ini iaitu pengawalan emosi, kematangan emosi, kehematan emosi, kepekaan emosi, komitmen emosi, keanjalan emosi dan ekspresi emosi.

iv. Kecerdasan spiritual

Kecerdasan spiritual merupakan kecerdasan yang dijadikan sebagai asas kepada kehidupan beragama dan bersifar kualiti yang unggul yang merentas semua

kepercayaan (Moberg, 1967). Rahmani dan rakan-rakan (2001) menyatakan bahawa kecerdasan spiritual adalah kecerdasan jiwa yang dapat membantu manusia menyembuh dan membangun diri manusia secara utuh. Ia juga merujuk kepada kapasiti mental yang menyumbang kepada kesedaran, integrasi (percantuman), dan adaptasi dalam penggunaan sumber yang luarbiasa dan berbentuk bukan benda yang mengarah kepada hasil seperti refleksi kewujudan, peningkatan dalam pengertian, pengiktirafan terhadap diri dan pengetahuan dalam bidang kerohanian.

Kecerdasan spiritual merujuk kepada kemampuan dan kebolehan seseorang dalam mencari pengertian hidup yang lebih bermakna. Dalam kajian ini, penyelidik akan mengkaji tahap kecerdasan dan pengaruhnya terhadap tingkah laku kenakalan responden. Terdapat dua domain yang dikaji iaitu ketuhanan dan psikososial. Ketuhanan merujuk kepada hubungan responden dengan Allah SWT manakala psikososial pula merujuk kepada hubungan responden dengan persekitaran.

v. Salah laku:

Kamus Oxford (2000) meyakini bahawa salah laku merujuk kepada jenayah kecil seperti perbuatan merosak yang dilakukan oleh individu. Ia turut merujuk kepada sebarang tingkah laku yang bercanggah dengan norma dan menyalahi undang-undang samada perbuatannya kecil seperti melanggar had kelajuan memandu atau kepada yang lebih berat seperti membunuh. Kesalahan-kesalahan yang dilakukan kebiasaannya boleh dirujuk kepada aktanya yang tersendiri kerana ianya boleh mengancam masyarakat sekeliling (Vermeiren, 2003).

Salah laku merupakan kesalahan atau perlakuan yang melanggar norma masyarakat atau menyalahi peraturan. Salah laku dalam kajian ini merujuk kepada perlakuan yang dilakukan oleh responden yang melanggar norma masyarakat Malaysia atau menyalahi peraturan sekolah. Terdapat tujuh kumpulan salahlaku merangkumi 30 jenis kesalahan yang dikaji iaitu tingkah laku kurang sopan, ponteng, tingkahlaku jenayah, tingkah laku tidak mementingkan masa, kekemasan diri, buli, vandalisme dan tingkah laku lucah. Dalam kajian ini, penyelidik merujuk senarai salah laku yang

terkandung di dalam Sistem Salah Laku Disiplin Murid (SSDM) dari Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

vi. Pengawalan emosi

Pengawalan emosi merupakan domain kecerdasan emosi yang merujuk kepada satu keupayaan dalam mengawal diri dari perasaan impulsif atau sebarang emosi yang mengganggu. Domain ini juga merujuk kepada kemampuan seseorang dalam mengendali dan mengurus diri daripada pelbagai emosi yang boleh memberi kesan negatif kepada dirinya.

vii. Kematangan emosi

Kematangan emosi merupakan domain kecerdasan emosi yang merujuk kepada keupayaan untuk membimbing sesuatu emosi bagi mencapai matlamat yang dikehendaki. Domain ini menyebabkan seseorang individu sentiasa berorientasikan hasil dan berharap kejayaan dalam sesuatu perkara. Kematangan emosi ini membolehkan seseorang dilabelkan sebagai seorang individu yang bermotivasi.

viii. Kehormatan emosi

Kehormatan emosi merupakan domain kecerdasan emosi yang merujuk kepada keupayaan seseorang mengambil sesuatu tanggungjawab dan mengekalkan integriti dalam menjalankan tugas. Domain ini memberi gambaran bahawa seseorang individu mempunyai prinsip dan pendirian tersendiri serta bertindak secara beretika dan komitmen.

ix. Kepekaan emosi

Kepekaan emosi merupakan domain kecerdasan emosi yang merujuk kepada kebolehan untuk mengetahui dan memahami perasaan sendiri dan orang lain serta dapat mengenalpasti sesuatu perasaan yang wujud dan memikirkan mengapa perasaan

itu wujud. Domain ini membolehkan seseorang dikenali sebagai individu yang mempunyai kesedaran berkenaan nilai-nilai yang baik dan buruk serta menyedari bahawa setiap apa yang berlaku mempunyai hubungan dengan apa yang difikirkan, percakapan dan sesuatu perbuatan.

x. Komitmen emosi

Komitmen emosi merupakan domain kecerdasan emosi yang merujuk kepada kebolehan individu untuk menyusun, menyelaras emosi seterusnya mampu bekerja dengan individu lain di dalam satu organisasi bagi mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Domain ini membolehkan seseorang individu dikenali sebagai individu yang komited.

xi. Keanjalan emosi

Keanjalan emosi merupakan domain kecerdasan emosi yang merujuk kepada keupayaan dalam membuat perundingan dan menyelesaikan perbezaan yang wujud dalam sesuatu situasi. Domain ini membolehkan seseorang mampu mengendalikan individu yang sukar atau pun suasana yang tegang secara diplomasi dan bijaksana. Mereka dapat mengenalpasti sesuatu konflik yang terjadi dan membincangkan secara terbuka serta membantu menyelesaikannya secara adil menerusi perbincangan dan perbincangan secara terbuka. Domain ini membolehkan seseorang individu dikenali sebagai individu yang diplomatik.

xii. Ekspresi emosi

Ekspresi emosi merupakan domain kecerdasan emosi yang merujuk kepada kebolehan memindah dan menyesuaikan sesuatu emosi, pemikiran dan tingkahlaku untuk mengubah sesuatu situasi. Mereka mengetahui bagaimana untuk bertindakbalas terhadap diri dan orang lain secara efektif. Mereka menggunakan kaedah komunikasi bukan lisan dengan cara terbaik untuk menarik perhatian orang lain. Mereka berupaya

mempengaruhi orang lain dengan strategi yang kompleks (pengaruh secara tidak langsung) untuk mendapat sokongan dan kata sepakat daripada orang lain.

xiii. Ketuhanan

Ketuhanan merupakan salah satu domain kecerdasan spiritual mengikut teori kesejahteraan yang diusulkan oleh Moberg (1971). Domain ini merujuk kepada hubungan antara manusia dengan pencipta iaitu Allah SWT.

xiv. Psikososial

Psikososial merupakan domain kedua yang terkandung dalam teori kesejahteraan Moberg. Domain ini merujuk kepada hubungan interpersonal, hubungan dengan persekitaran dan apa jua hubungan manusia selain ketuhanan.

1.12 Penutup

Bab satu secara keseluruhannya telah menerangkan objektif khusus yang ingin dikaji di kalangan remaja yang pernah terlibat dengan salah laku berdasarkan latar belakang masalah yang telah dinyatakan. Dalam bab seterusnya, penyelidik akan menerangkan dapatan daripada kajian-kajian lepas beserta teori yang berkaitan bagi menyokong akan kepentingan kajian ini.

RUJUKAN

- Abdul Basit Bin Abdul Rahman (2011). *Pengenalan Ringkas Mengenai Islam (Bahasa Malaysia)*. Kerajaan Arab Saudi, Kementerian Pendidikan Tinggi Universiti Islam Madinah, Jabatan Kajian Ilmiah Bahagian Terjemahan.
- Adams, G.R. (2000). *Adolescent Development: The Essential Readings (Essential Readings in Developmental Psychology)*. USA: Blackwell Publishers.
- Ahmad dan Naglieri, J.A. (2011), *Encyclopedia of Child Behavior and Development*. Springer Science and Business Media LLC 2011.
- Ahmad Mohd Salleh. (1997). *Pendidikan Islam, Falsafah, Pedagogi dan Metodologi*. Selangor. Penerbit Fajar Bakti.
- Ambert, A.M. (1982). Differences in children's behavior toward custodial mothers and custodial fathers. *Journal of Marriage and The Family*, 44, 73–86.
- Aminuddin Hassan (2009). Emotional and spiritual intelligences as a basis for evaluating the national philosophy of education achievement. *Journal Of International Studies*, Issue 12.
- Angela, F.Y. (2009). Trait emotional intelligence and its relationships with problem behaviour in Hong Kong adolescent. *Personality and Individual Differences*, 47, 553-557.
- Animasahun, R.A. (2010). Intelligent Quotient, Emotional Intelligence and Spiritual Intelligence as Correlates of Prison Adjustment among Inmates in Nigeria Prisons. *Journal of Social Science*, 22(2): 121-128.
- Aphichat Chamratrithirong. (2010). Spiritual within the family and the prevention of health risk behaviour among adolescents in Bangkok, Thailand. *Journal of Sosial Science & Medicine*, 71, 1855-1863.
- Aruna Chakraborty dan Amit Konar (2009). *Emotional Intelligence: A Cybernetic Approach*. Springer – Verlag Berlin Heidelberg.
- Ary Ginanjar Agustian (2001). *Rahasia Sukses Membangun Kecerdasan Emosi dan Spiritual (ESQ)*. Jakarta: Arga Wijaya Persada.

- Asmawati Suhid (2005) Pengajaran Adab dan Akhlak Islam Dalam Membangunkan Modal Insan. *Jurnal Pengajian Umum*, Bil. 8177
- Austin, E.J. (2005). Emotional intelligence and emotional information processing. *Personality and Individual Differences*, 39 403-414.
- Baker, T.L. (1994). *Doing Social Research* (2nd Edition.). New York: Mcgraw-Hill Inc.
- Brackett, M.A., Mayer, J.D. dan Warner, R.M. (2004), Emotional intelligence and its relation to everyday behaviour. *Personality and Individual Differences*. 36, 1387-1402.
- Brackett, M.A., Rivers, S.E. dan Salovey, P. (2011). Emotional intelligence: implications for personal, social, academic, and workplace success. *Social and Personality Psychology Compass* 5(1): 88–103
- Carlozzi, B.L., Carrie Winterowd, Harrist, R.S, Nancy Thomason, Kristi Bratkovich dan Sheri Worth (2010). Spirituality, anger, and stress in early adolescents. *Journal of Religion and Health*, 49:445–459
- Carlson, M.J. (2006). Family structure, father involvement and adolescent behavioral outcomes. *Journal of Marriage and Family*, 68 (1), 137-154.
- Chakraborty. A dan Konar A. (2009). Introduction to Emotional Intelligence. Emotional Intelligence, *Springer-Verlag Berlin Heidelberg*, New York.
- Chua Yan Piaw (2011). Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan Edisi Kedua. Mc-Graw Hill. Malaysia.
- Chua, Yan Piaw 2011. *Kaedah Penyelidikan*. McGraw Hill Higher Education. Malaysia.
- Cindy Wigglesworth (2011). *Integral Theory (Also Called AQAL Theory) and Its Relationship to Spiritual Intelligence and The Sqi Assessment*. Conscious Pursuits, Inc
- Constantinos M. Kokkinos dan Eirini Kipritsi (2012). The relationship between bullying, victimization, trait emotional intelligence, self-efficacy and empathy among preadolescents. *Social Psychology Education*, 15:41–58.
- Danah Zohar (August, 2010). Exploring Spiritual Capital : An Interview with Danah Zohar. *Spirituality in Higher Education Newsletter*, Volume 5, Issue 5.
- Daniel O'Donnell (2009). *The United Nations Children's Fund (UNICEF)*, Tidak diterbitkan. UNICEF.

- Davies, M., Stankov, L. and Roberts, R.D. (1998). Emotional intelligence: in search of an exclusive construct. *Journal of Personality and Social Psychology*, 75, 989–1015.
- Delbecq, Andre L. (1999). Christian spirituality and contemporary business leadership. *Journal of Organizational Change Management*. 12 (4): 345-349.
- Delbecq, Andre. (2000). Spirituality for business leadership: reporting on a pilot course for MBAs and CEOs. *Journal of Management Inquiry*, 9(2), 117-128.
- Demuth, S. dan Brown, S.L. (2004). Family structure, family processes, and adolescent delinquency: the significance of parental absence versus parental gender. *Journal of Research in Crime and Delinquency*, 41. 58–81.
- Dishion, T.J., Loeber, R., Stouthamer-Loeber, M. dan Patterson G.R. (1984). Skill deficits and male adolescent delinquency. *Journal of Abnormal Child Psychology*, VoL 12(1), 37-54.
- Dusek, J.B.. (1996). *Adolescent Development and Behavior*. New Jersey : Prentice Hall.
- Einolf, C.J. (2011). Daily Spiritual Experiences and Prosocial Behavior. *Social Indicators Research*, 1-17.
- Elisabeth M. Kimball, Marc Mannes, and Angela Hackel (2009). *Voices of Global Youth on Spirituality and Spiritual Development: Preliminary Findings from a Grounded Theory Study*. International Handbook of Education for Spirituality, Care and Wellbeing, International Handbooks of Religion and Education.
- Elizabeth T. Cook, Mark T. Greenberg, and Carol A. Kusche (1994). The relations between emotional understanding, intellectual functioning, and disruptive behavior problems in elementary-school-aged children. *Journal of Abnormal Children Psychology*, VoL 22, No. 2.
- Fagan, A.A., Lee, M. Van Horn, J. David Hawkins dan Michael Arthur, W. (2007). Gender similarities and differences in the association between risk and protective factors and self-reported serious delinquency. [*Prevention Science Journal*](#), 8:115–124.
- Fariza (2005). *Tekanan Emosi Remaja Islam*. Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Farran, C.J., Fitchett, G., Quiring-Emblen, J.D. dan Burck, J. R. Development of a model for spiritual assessment and intervention. *Journal of Religion and Health*, Volume 28.

- Fox, C.L. dan Boulton, M.J. (2005). The social skills problems of victims of bullying: self, peer and teacher perceptions. *British Journal of Educational Psychology*, 75, 313–328.
- Frances Vaughan (2002). What is Spiritual Intelligence? *Journal of Humanistic Psychology*, Vol 42, No. 2.
- Garber, J., Braafladt, N., dan Weiss, B. (1995). Affect regulation in depressed and nondepressed children and young adolescents. *Development and Psychopathology*, 7(1), 93–115.
- Gardner, H., *The Theory of Multiple Intelligences: The Theory in Practice*. New York: 1993.
- Garnier, H.E. dan Stein, J.A. (2002). An 18-year model of family and peer effects on adolescent drug use and delinquency. *Journal of Youth and Adolescence*. 31. 45-56.
- Goleman, D. (1995). *Emotional Intelligence*. New York: Bantam Books.
- Goltfredson, L.S. (1998). The General Intelligence Factor. *Scientific American Presents*, 9(4): 24-29.
- Hairunnaja Najmuddin (2003). *Memahami dan Membimbing Remaja Nakal*. Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing.
- Hartsfield, M. (2003). *The Spirit of Transformational Leadership: Emotions or Cognition?* Paper presented at the annual (2003) conference of Christian Business Faculty Association.
- Herzog, T. (1996). *Research Methods in the Social Sciences*. New York: Harper Collins Publishers.
- Hirschfield, P.J. dan Joseph Gasper (2011). The relationship between school engagement and delinquency in late childhood and early adolescence. *Journal of Youth Adolescence*. 40:3–22.
- Howell, J.C. (2009). *Preventing and Reducing Juvenile Delinquency: A Comprehensive Framework*. Sage Publications. Los Angeles.
- Inderjit Kaur, Nicola S. Schutte dan Einar B. Thorsteinsson. (2006). Gambling control self-efficacy as a mediator of the effects of low emotional intelligence on problem gambling. *Journal of Gambling Studies* 22:405–41.

- Ishak Md Shah (2004) *EQ: Panduan Meningkatkan Kecerdasan Emosi*. Kuala Lumpur : PTS Publications.
- Jackson, Y. (2002). Mentoring for delinquent children: an outcome study with young adolescent children. *Journal of Youth and Adolescence*, 31(2) 115-122.
- Jacob Joseph, Kevin Berry dan Satish P. Deshpande (2009). Impact of emotional intelligence and other factors on perception of ethical behavior of peers. *Journal of Business Ethics*, 89:539–546.
- Jacobsen, S. E. (1994). *Spirituality and transformational leadership in secular settings: a Delphi study*. Dissertation Abstracts International.
- Jafar Shabani, Siti Aishah Hassan, Aminah Ahmad, Maznah Baba (2011). moderating influence of gender on the link of spiritual and emotional intelligences with mental health among adolescents. *Life Science Journal*, 8.1
- Javdan Moosal dan Nickkerdar Mohammad Ali (2011). The study relationship between parenting styles and spiritual intelligence. *journal of Life Science and Biomedicine*, 1(1): 24-27.
- Jens Rowold (2011). Effects of spiritual well-being on subsequent happiness, psychological well-being, and stress. *Journal of Religion and Health* 50, 950–963.
- Joan Freeman (1997), The emotional development of the highly able. *European Journal of Psychology of Education*. 12(4), 479-493.
- Joanne C. Tarasuik, Joseph Ciorciari, and Con Stough (2009). Understanding the neurobiology of emotional intelligence: A Review. *The Springer Series on Human Exceptionality*, 307-320.
- José M. Salguero, Raquel Palomera dan Pablo Fernández-Berrocal (2012). Perceived emotional intelligence as predictor of psychological adjustment in adolescents: a 1-year prospective study. *Europe Journal of Psychology Education*. 27:21–34.
- Kerlinger, F.N dan Lee, H.B (2000). *Foundations of Behavioural Research*. 4th ed. Fort Worth, Texas:Thomson Learning.
- King, D.B. (2008). *Rethinking Claims of Spiritual Intelligence: A Definition, Model and Measure*. Peterborough, Ontario, Canada.

- Klein, M.W. (1971). *Street Gangs and Street Workers*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Kohlberg, L. (1976), "*Moral Stages and Moralization: The Cognitive-Developmental Approach*." In Lickona, T., ed., *Moral Development and Behavior: Theory, Research, and Social Issues*. New York,
- Larson, R.W., Richards, M.H., Moneta, G., Holmbeck, G., dan Duckett, E. (1996). Changes in adolescents' daily interactions with their families from ages 10 to 18: disengagement and transformation. *Journal of Developmental Psychology* 32, 744–754.
- Lerner, J.S. dan Keltner, D. (2001). Fear, anger, and risk. *Journal of Personality and Social Psychology*, 81, 146-159.
- Luke A. Downey, Patrick J. Johnston, Karen Hansen, Jill Birney, dan Con Stough, (2010). Investigating the mediating effects of emotional intelligence and coping on problem behaviours in adolescents. *Australian Journal of Psychology*, 62 (1), 20–29.
- Luoma I, Puura K, Tamminen T, Kaukonen P, Piha J, Räsänen E, Kumpulainen K, Moilanen I, Koivisto AM, dan Almqvist F (1999). Emotional and behavioural symptoms in 8–9-years old children in relation to family structure. *European Child and Adolescent Psychiatry* 8(4). 29-40.
- M. Estrella Esturgó-Deu, dan Josefina Sala-Roca. (2010). Disruptive behaviour of students in primary education and emotional intelligence. *Teaching and Teacher Education*. Volume 26, Issue 4, May 2010, Pages 830–837.
- Machteld Hoeve, Judith Semon Dubas, Veroni I. Eichelsheim dan Peter H. van der Laan & Wilma Smeenk & Jan R. M. Gerris (2009). The relationship between parenting and delinquency: A Meta-analysis. *Journal of Abnormal Children Psychology*, 37:749–775.
- Manning, Wendy, D. dan Kathleen A. Lamb. (2003). Adolescent Well-Being in Cohabiting, Married, and Single-Parent Families. *Journal of Marriage and Family*, 65. 876–93
- Mardzelah Makhsin, Ab.Halim Tamuri, Mohd Aderi Che Noh dan Mohamad Fadhli Ilias (2012). Hisbah Pembelajaran Kendiri dalam Pendidikan Islam. *Jurnal of Islamic and Arabic Education*, 4(1), 2012 45-60.
- Mavroveli, S., dan Sánchez-Ruiz, M. J. (2011). Trait emotional intelligence influences on academic achievement and school behavior. *British Journal of Educational Psychology*, 81, 112–134.

- McCall, R.B., Appelbaum, M.J., & Hogarty, P.S. (1973). *Developmental Changes In Mental Performance*. Monographs of the Society for Research in Child Development, 38(3), Serial No. 150, 60–93.
- McNulty, T.L., Bellair, P.E., (2003). *Explaining Racial and Ethnic Differences in Adolescent Violence: Structural Disadvantage, Family Well-Being, and Social Capital*. Justice Quarterly 20. 1–3.
- Melati Subari dan Zaharah Hussin (2006). *Cabaran IPT Dalam Menangani Salah Laku Dan Kepincangan Akhlak Mahasiswa: Tinjauan Dan Cadangan*. Western Michigan Universiti, USA.
- Mesmer-Magnus, J., Viswesvaran, C. J., Joseph dan Deshpande, S.S. (2008). The Role of Emotional Intelligence in Integrity and Ethics Perceptions in W.Zerbe, N. Ashkansky dan C. Hartel (eds.), *Research on Emotions in Organizations: Emotions, Ethics, and Decision- Making* Vol. 4 Quorum Books/Greenwood Publishing Group, Westport, CT.
- Michael, K.S. dan Schubert, S.D. (2000). *Emotional Intelligence Works : Developing Smart People Strategies*. Thomson Course Technology.
- Moberg, D.O. (1971). *Spiritual Well-Being: Background and Issues*. White House Conference on Aging, Washington, D.C.
- Mohd Majid Konting (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Majid Konting (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Najib Abd Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan* . Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Nazar Mohamed (1992). *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkahlaku Manusia*. Kuala lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Salleh Abu dan Zaidatun Tasir (2001). *Pengenalan Analisis Data Berkomputer SPSS 10.0*. Kuala Lumpur : Venton Publishing.
- Mohd.Azhar Abd Hamid (2006). *Panduan Meningkatkan Kecerdasan Emosi*. PTS Bentong : Publications and Distributors Sdn Bhd.
- Montgomery, Katherine L. Thompson, Sanna J. Barczyk dan Amanda,N .(2011), Individual and relationship factors associated with delinquency among throwaway adolescents. *Children and Youth Services* ,Vol 33.

- Muhamad Saiful Bahri Yusoff , Ahmad Fuad Abdul Rahim & Prof Dr Ab Rahman Esa (2010). *The USM Emotional Quotient Inventory (USMEQ-i) Manual*, KKMED Publications Malaysia.
- Muhammad Yasir Abu Hassan (2005). *Pengetahuan dan Penghayatan Islam di Kalangan Pelajar: Satu Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kedah*. Tidak diterbitkan.
- Mustaffa, Che Su and Omar, Nuredayu and Nordin, Munif Zariruddin Fikri (2010). Antecedan kecerdasan emosi, kecerdasan spiritual dan kecerdasan emosi spiritual (esq) dalam kalangan pelajar sekolah berasrama penuh dan institusi pengajian tinggi. *Journal of Techno-Social*, 2 (2).82-98.
- Najib Abdul Ghaffar (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Johor : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Nick Lund(2010). *Intelligence and Learning*. London : Palgrave McMillan.
- Noor Hidayah bt Chik Mad (2010). *Masalah disiplin di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Menurut Perspektif Guru*. UTM.
- Nooraini Othman dan Mazlyana Buhari (2011). Keberkesanan Pendidikan Islam dalam pembentukan personaliti pelajar. *Journal of Educational Psychology & Counseling*, Volume 4 December 2011, Pages 25-37
- Olweus, D. (2003). A Profile of Bullying at School. *Educational Leadership*. 60. 12–17.
- Olweus, D. (2005). *Social Problems In School* in A. Slater dan G. Bremner (Eds.), *An Introduction to Developmental Psychology* (434–454). Oxford: Blackwell Publishing.
- Parish, J. (1999). *Women in Education: Effective Leadership Styles as Inspired by Spirituality*. Dissertation Abstracts International, University of La Verne, CA.
- Petrides, K.V., Frederickson, N., & Furnham, A. (2004). The Role of Trait Emotional Intelligence in Academic Performance and Deviant Behavior at School. *Personality and Individual Differences*, 36, 277–293.
- Pol A. C. Van Lier dan Anja Huizink & Patricia Vuijk (2011). The Role of Friends' Disruptive Behavior in the Development of Children's Tobacco Experimentation: Results from a Preventive Intervention Study. *Journal of Abnormal Children Psychology*. 39:45–57.

- Polit, D.F., Beck, C.T. dan Hungler, B.P. (2001), *Essentials of Nursing Research: Methods, Appraisal and Utilization. 5th Ed.*, Philadelphia: Lippincott Williams & Wilkins.
- Quebbeman, A.J. dan Rozell, E.J. (2002). Emotional intelligence and dispositional affectivity as moderators of workplace aggression : the impact on behaviour choice. *Human Resource Management Review*, 12. 125-143.
- Rahmani Astuti, Ahmad Najib Burhani dan Ahmad Baiq (2001). *SQ, Memanfaatkan Kecerdasan Spiritual dalam Berpikir Integralistik dan Holistik untuk Memaknai Kehidupan – Terjemahan dari Danah Zohar dan Ian Marshall*. Mizan, Bandung.
- Rob Yeung (2006). *The Rules of EQ*. Singapore :Marshall Cavendish Business.
- Robert E. Slavin. (2009). *Educational Psychology : Theory and Practice*. New Jersey: Pearson.
- Robert Svensson dan Dietrich Oberwittler (2010). It's not the time they spend, it's what they do: the interaction between delinquentfriends and unstructured routine activity on delinquency: findings from two countries. *Journal of Criminal Justice*. 38.1006–1014.
- Roff, J.D. dan Wirt, R.D. (1984). Childhood Aggression and Social Adjustment as Antecedents of Delinquency. *Journal of Abnormal Child Psychology*, 12(1), 111-126.
- Rowntree, D. (1981). *Statistics Without Tears: A Primerfor Non-Mathematicians*, Penguin, London.
- Rueter, M.A. dan Koerner, A.F. (2008). The effect of family communication patterns on adopted adolescent adjustment. *Journal of Marriage and Family*, 70, 715-727.
- Sajad Alboukordi, Ali Mohammad Nazari, Robabeh Nouri & Javad Khodadadi Sangdeh (2012), Predictive factors for juvenile delinquency : the role of family structure, parental monitoring and delinquent peers. *International Journal of Criminology and Sociological Theory*, Vol.5(1), 770-777.
- Salovey, P., Brackett, M.A., Mayer, J.D. (2004). *Emotional Intelligence: Key Readings On The Mayer and Salovey Model*. National Professional Resources, New York.
- Sampson, R.J. (1985). Sex Differences in Self-Reported Delinquency and Official Records: A Multiple-Group Structural Modeling Approach. *Journal of Quantitative Criminology*, Vol. 1, No. 4.

- Santesso, D.L., Dana, M.A., Reker, L., Louis, M.S., Schmidt, A., PhD Sidney J. Segalowitz. Frontal Electroencephalogram Activation Asymmetry, Emotional Intelligence, and Externalizing Behaviors in 10-Year-Old Children. *Child Psychiatry and Human Development*, Vol. 36(3).
- Sigurdsson, J.F. dan Gudjonsson, G.H. (1996). Psychological characteristics of juvenile alcohol and drug users. *Journal of Adolescence*, 19. 41-46.
- Sowell, E. R., Thompson, P. M., Holmes, C. J., Jernigan, T. L., dan Toga, A. W. (1999). In Vivo Evidence for Postadolescent Brain Maturation in Frontal and Striatal Regions. *Nature Neuroscience*. 2, 859–860.
- Stella Mavroveli dan María José Sánchez-Ruiz (2011). Trait Emotional Intelligence Influences On Academic Achievement and School Behavior. *British Journal of Educational Psychology*, 81. 112–134.
- Sternberg, J.R. (1985). *Beyond IQ: Triarchic Theory Of Human Intelligence*. USA: Press Syndicate.
- Strongman, K. T (2003). *The Psychology Of Emotion : From Everyday Life To Theory (5th Edition)* . England: John Wiley & Sons.
- Sukidi Imawan (2002). Kecerdasan Spiritual : *Mengapa SQ Lebih Penting Daripada IQ dan EQ*. Indonesia: Gramedia Pustaka Utama.
- Susan Tee Suan Chin, R.N. Anantharaman dan David Yoon Kin Tong (2011). The Roles of Emotional Intelligence and Spiritual Intelligence at the Workplace. *Journal of Human Resources Management Research*. Vol. 2011.
- Syed Hossein Nasr (1987). *Islamic Spirituality- Foundation*. London: Routledge & Kegan Paul.
- Thomson, E., Hanson, T. L., & Mc Lanahan, S. S. (1994). Family Structure And Child Well-Being:Economic Resources Vs. Parental Behaviors. *Social Forces*, 73. 221–242.
- Thurstone, L.L. (1938). *Primary Mental Abilities*. Chicago: University of Chicago Press.
- Tony Buzan (2011). *The Power of Spiritual Intelligence: 10 Ways to Tap into Your Spiritual Genius*. London: Thorsons Publishers.
- Trinidad, D.R dan Johnson, C.A. (2002). The association between emotional intelligence and early adolescent tobacco and alcohol use. *Personality and Individual Differences*, Volume 32, Issue 1, 95–105

- Tuckman, B.W. (1972). *Conducting Educational Research*: Harcourt College Publishers.
- VonDras, D.D., Schmitt, R.R. dan Marx, D. (2007). Associations between aspects of spiritual well-being, alcohol use, and related social cognitions in female college students. *Journal of Religion and Health* 46:500–515.
- Wahl, R.A, Cotton S, Harrison-Monroe P (2008). *Spirituality, Adolescent Suicide, and The Juvenile Justice System*. Department of Pediatrics, University of Arizona, Tucson, AZ 85724-5073, USA
- Wallbott, H.G. (1988). Facial Expression Big Girls Don't Frown, Big Boys Don't Crygender Differences of Professional Actors in Communicating Emotion via Facial Expression. *Journal of Nonverbal Behavior*, 12(2).
- Walton, M.D., Harris, A.R. dan Davidson, A.J. (2009). “It Makes Me a Man from the Beating I Took”: *Gender and Aggression in Children’s Narratives About Conflict Sex Roles* (2009) 61:383–398.
- Wells, L. Edward and Joseph H. Rankin. (1991). Family and Delinquency: A Meta-Analysis of The Impact of Broken Homes. *Social Problems*. 38, 71–93.
- Wu, Lawrence L. (1996). *Effects of Family Instability, Income, and Income Instability on the Risk of a Premarital Birth*. *American Sociological Review* 61, 386–406.
- Yatimah Sarmani dan Mohd Tajudin Ninggal. (2008). *Teori Kaunseling Al-Ghazali*. Selangor : PTS Publication & Distributors Sdn.Bhd.
- Yosi Amram (2007). *The Seven Dimensions of Spiritual Intelligence: An Ecumenical, Grounded Theory* American Psychological Association, San Francisco.
- Yuki Y.T. (2012). *Cognitive and Emotional Determinants of Delinquent Behaviour Discovery*. SS Student E-Journal Vol. 1, 2012, 42-59.
- Yunus Yusof (2005). Kecerdasan Emosi. *Jurnal Akademik*.
- Zainal Madon dan Mohd Sharani Ahmad. (2004). *Panduan Mengurus Remaja Moden*. PTS Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Zainudin Sharif dan Norazmah Mohamad Roslan (2011) Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka . *Journal of Education Psychology & Counseling*, 1 Mac 2011.

Zeev Winstok (2007). Perceptions, Emotions, and Behavioral Decisions in Conflicts That Escalate to Violence. *Motiv Emot* 31:125–136.

Zohar, D., dan Marshall, I. (2000). *SQ: Connecting With Our Spiritual Intelligence*. New York: Bloomsbury Publishing.